

SONGKET DAN KEGUNAANNYA

NORAZLINA BT. NGAH

95292939

Ijazah Senireka Fesyen

Fakulti Senilukis Dan Senireka

Institut Teknologi MARA

40450 Shah Alam

Selangor Darui Ehsan

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	I
Pendahuluan	(I
BAB 1 :PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Definisi Songket	2
1.3 Definisi Fesyen	4
1.4 Definisi Trend	4
1.5 Definisi Kontemporari	5
1.6 Tujuan Kajian	5
1.7 Skop Kajian	6
1.8 Kaedah Penyelidikan	6
1.9 Hipotesis	7
BAB 2 : SEJARAH DAN LATAR BELAKANG	
2.1 Permulaan Dan Perkembangan Songket	8
2.1.1 India	8
2.1.2 Malaysia	9
2.1.3 Indonesia	16
2.1.4 Brunei	28
2.2 Jenis Songket Mengikut Teknik Tenunan	33
2.2.1 Tenunan Biasa/Bercorak	33

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Syukur Alhamdulillah, dengan limpah kurnia-Nya maka kajian ilmiah ini dapat dihasilkan.

Ucapan ribuan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan perhatian di dalam membantu menyiapkan kajian ilmiah ini, terutama sekali kepada Ketua Kursus Jabatan Senireka Fesyen, Puan Sharifah Alwiah Syed Sahil dan pensyarah-pensyarah Senireka Fesyen yang lain. Tidak dilupakan kepada keluarga tersayang yang telah memberikan dorongan dan sokongan yang sepenuhnya.

Jutaan terima kasih turut tidak dilupakan kepada Cik Kalsom Muda selaku Pensyarah Senireka dan Penasihat diatas kerjasama dan perhatian serta semangat yang diberikan. Penghargaan ini turut ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah bersama-sama berusaha dan memberi sokongan dalam menyiapkan kajian ilmiah ini. Terima kasih juga kepada Institut Teknologi Mara dan Fakulti Senilukis dan Senireka.

Akhir sekali, saya mengharapkan agar kajian ilmiah ini dapat memberikan faedah dan panduan kepada pihak yang berminat di dalam bidang seni. Semoga usaha ini mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T jua. Terima Kasih.

PENDAHILUAN

Penghasilan kajian ilmiah ini bukan sahaja sebagai memenuhi kehendak fakulti dan syarat-syarat akademik dalam proses mendapatkan ijazah bagi setiap pelajar tahun akhir, malah ia juga diharapkan dijadikan sebagai satu koleksi dan sumber rujukan serta maklumat berguna bagi generasi seterusnya.

"Songket Dan Kegunaannya" yang menjadi tajuk kajian ilmiah ini dilakukan apabila mendapati songket jarang digunakan dalam pakaian moden hari ini tetapi fabrik ini banyak digunakan pada pakaian perkahwinan dan pakaian kebesaran iaitu dipakai oleh raja-raja dan kerabatnya.

Melalui tinjauan yang dibuat di majalah-majalah fesyen terkini dan butik-butik sekitar Kuala Lumpur, hanya terdapat beberapa orang pereka yang menggunakan fabrik songket pada rekaan mereka. Penulis mula merasakan fabrik ini menarik dan boleh menghasilkan rekaan yang unik, tambahan pula fabrik ini keras dan mempunyai jalinan pada permukaannya.

Seterusnya lakaran pelbagai rekaan pakaian daripada eksperimentasi fabrik songket dilakukan di atas *dummy* dengan mengambil kira kedudukan kaki kain dan kepala kain songket tersebut pada rekaan yang telah dihasilkan dan seterusnya dijadikan sebagai projek akhir ketika di semester 7. Akhirnya rekaan pakaian yang berkonsepkan "Evening Wear - Creative" telah berjaya direalisasikan dengan menggunakan fabrik songket yang dieksperimentasikan di atas *dummy*.

Sehubungan dengan itu, tajuk ini dipilih untuk dilakukan penyelidikan dalam menghasilkan kajian ilmiah ini.

BAB1

PENGENALAN

11 LATAR BELAKANG

Penghasilan kajian ilmiah ini yang bertajuk "Songket Dan Kegunaannya" adalah secara khusus bertujuan untuk mengkaji tentang penggunaan songket dalam fesyen secara kreatif.

Songket merupakan seni kraf tekstil (tenunan) yang popular di kalangan masyarakat melayu. Hasil tenunan masyarakat melayu adalah bermutu tinggi dan diakui oleh seluruh masyarakat di Asia. Di bahagian pantai timur Semenanjung Malaysia, tenunan songket benang emas merupakan kerja turun-temurun. Walaupun seni tekstil mengalami tindakbalas terhadap perubahan dan perkembangan persekitarannya yang dipengaruhi oleh aspek politik, ekonomi dan sosial, nafnun tenunan songket masih lagi bertahan sebagai tenunan turun-temurun dan penggunaannya dalam fesyen kontemporari di Malaysia masih lagi terbatas begitu juga diperingkat antarabangsa penggunaan songket boleh dikatakan tidak wujud.

Jika dikaji dari segi pengeluaran songket, teknik pengeluarannya masih lagi menggunakan cara-cara dan kaedah-kaedah tradisi iaitu menggunakan tenaga manusia (tangan). Teknik tenunan juga adalah tidak berubah. Keadaan ini terjadi disebabkan tenunan songket adalah warisan turun-temurun masyarakat melayu.